

Interaksi Nabawi Dengan Haiwan Dalam Konteks Terapi Emosi: Analisis Berdasarkan *Fiqh al-Hadīth*

[The Prophetic Interaction with Animals in the Context of Emotional Therapy: An Analysis Based on Fiqh al-Hadīth]

Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi¹, Mohd Dahlan Abdul Malek², Umar Muhammad Noor³, Mohd Solleh Razak⁴

¹ (Penulis Utama) Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Malaysia, Emel: dzuldzulraidi@gmail.com

² Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Malaysia, Emel: dahlanam@ums.edu.my

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Malaysia, Emel: umarmnoor@ums.edu.my

⁴ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Malaysia, Emel: sollehabrazak@ums.edu.my

ABSTRACT

Awareness of the emotional therapeutic potential of human-animal interaction is gaining recognition in modern psychology, particularly through approaches such as Animal Assisted Therapy (AAT). However, this dimension remains underexplored within the Islamic framework, especially from the perspective of hadith and fiqh al-hadith. Although numerous authentic hadiths record the Prophet Muhammad's ﷺ interactions with animals, previous studies have largely focused on their legal or ethical implications, without delving into their psychospiritual or emotional healing aspects. This study aims to address this gap by analysing the Prophet's interactions with animals such as camels, cats, birds, and domesticated creatures as potential sources of emotional tranquillity and spiritual well-being. Adopting a qualitative content analysis approach, the study compiles and interprets relevant hadiths through the lens of fiqh al-hadith. The findings demonstrate that the Prophet's compassionate and empathetic behaviour towards animals not only reflects moral excellence, but also possesses deep therapeutic value including anxiety reduction, emotional calmness, and strengthened spiritual connection with the Creator. This study suggests that hadith-based therapy models may offer a spiritually grounded alternative for emotional well-being and mental health care in alignment with Islamic values of rahmah (compassion) and ihsan (benevolence).

Keywords: *emotional therapeutic; Animal Assisted Therapy; psychology; fiqh al-hadith; psychospiritual.*

ABSTRAK

Kesedaran terhadap potensi terapi emosi melalui interaksi dengan haiwan semakin mendapat perhatian dalam bidang psikologi moden, terutamanya melalui pendekatan *Animal-Assisted Therapy* (AAT). Namun begitu, aspek ini masih kurang diterokai dalam kerangka Islam, khususnya daripada perspektif hadith dan *fiqh al-hadith*. Walaupun terdapat sejumlah hadith sahih yang merakam interaksi Nabi Muhammad SAW dengan haiwan, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada dimensi hukum atau akhlak, tanpa menyelami potensi kesan psikospiritual dan terapi emosi yang terhasil daripada interaksi tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan menganalisis interaksi Nabi SAW terhadap haiwan seperti unta, kucing, burung dan binatang peliharaan lain dalam konteks ketenangan jiwa dan kesejahteraan emosi. Melalui pendekatan

kualitatif berbentuk analisis kandungan, kajian ini menghimpunkan dan meneliti hadith-hadith berkaitan serta mentafsirkannya melalui kerangka *fiqh al-hadith*. Hasil kajian menunjukkan bahawa interaksi Nabawi terhadap haiwan bukan sekadar mencerminkan nilai kasih sayang dan empati, malah membawa implikasi terapeutik yang mendalam termasuk pengurangan keresahan, penghasilan rasa tenang, dan penguatan hubungan spiritual dengan Pencipta. Kajian ini mencadangkan agar pendekatan terapi berasaskan hadith dapat dikembangkan sebagai alternatif Islamik dalam penjagaan kesihatan mental, selari dengan nilai-nilai rahmah dan ihsan yang digariskan oleh Nabi SAW

Kata Kunci: terapi emosi; psikologi; *Animal-Assisted Therapy*; *fiqh al-hadith*; psikospiritual

How to Cite:

Received : 25-04-2025

Accepted : 20-11-2025

Published : 30-11-2025

Dzulraidi, D. H., Abdul Malek, M. D., Noor, U. M., & Razak, M. S. (2025). *Interaksi Nabawi dengan Haiwan dalam Konteks Terapi Emosi: Analisis Berdasarkan Fiqh Al-Hadith*. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 6(2), 31–40.

1. Pendahuluan

Hubungan manusia dengan haiwan sering dianggap sekadar elemen sokongan dalam kehidupan seharian, sama ada sebagai sumber makanan, pengangkutan, atau hiburan (Lin, 2024). Namun dalam konteks psikologi moden, interaksi dengan haiwan mula diiktiraf sebagai satu bentuk terapi yang mampu memberi ketenangan, merangsang kestabilan emosi, dan menyumbang kepada kesejahteraan mental (Koukourikos et al., 2019). Pendekatan ini dikenali sebagai *Animal-Assisted Therapy (AAT)* dan telah diaplikasikan dalam pelbagai institusi kesihatan, termasuk hospital, pusat terapi dan sekolah khas (Wilson, 2018). Meskipun pendekatan ini berkembang dalam konteks Barat, Islam sebagai agama yang menyeluruh turut merakamkan interaksi manusia dengan haiwan, khususnya melalui sunnah dan riwayat kehidupan Nabi Muhammad SAW (Wan Zahari et al., 2012).

Hadith-hadith Nabi SAW menunjukkan pelbagai bentuk interaksi Baginda dengan haiwan, daripada kisah unta yang mengadu, kucing yang diselamatkan, hingga larangan menyakiti burung dan binatang peliharaan. Namun, kebanyakan kajian hadith hanya menumpukan kepada aspek hukum, akhlak, atau nilai ihsan, tanpa menelusuri potensi kesan psikospiritual dan ketenangan emosi yang terkandung dalam tindakan tersebut (Farhan et al., 2015; Md Ariffin et al., 2019; Md Ariffin et al., 2018). Tambahan pula, wacana *fiqh al-hadith* jarang dimanfaatkan untuk menilai dimensi terapi emosi yang mungkin terkandung dalam hadith-hadith ini. Oleh itu, wujud satu keperluan ilmiah untuk meneliti kembali teks-teks hadith tersebut dalam kerangka terapi emosi Islamik, yang mampu menggabungkan nilai kerohanian, kesejahteraan jiwa, dan akhlak terhadap makhluk.

Kajian ini tampil untuk menangani beberapa keperluan penting, Pertama; ketiadaan kajian tematik yang menyusun hadith-hadith interaksi Nabi SAW dengan haiwan dalam konteks kesejahteraan emosi. Riwayat-riwayat tersebut banyak tersebar dalam kitab hadith utama, namun belum dianalisis secara menyeluruh sebagai sumber terapi atau pendekatan pemulihan jiwa. Kedua; kekurangan pendekatan *fiqh al-hadith* yang menilai mesej tersirat di sebalik interaksi Nabawi terhadap haiwan. Nilai belas ihsan, empati, dan ketenangan yang boleh terhasil daripada konteks hadith sering terpinggir dalam pendekatan tradisional yang bersifat literal dan hukum semata-mata. Ketiga; ketiadaan model terapi emosi berasaskan hadith yang boleh menyumbang kepada penyelesaian alternatif dalam penjagaan kesihatan mental masyarakat Muslim. Dalam era yang menyaksikan peningkatan masalah emosi dan tekanan jiwa, masyarakat Islam memerlukan pendekatan rawatan yang berpaksikan nilai dan warisan kenabian.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk, Pertama; menganalisis hadith-hadith sahih berkaitan interaksi Nabi SAW dengan haiwan yang menunjukkan potensi kesan psikospiritual dan ketenangan emosi. Kedua; menghuraikan dimensi *fiqh al-hadīth* yang tersirat dalam tindakan dan respons Nabi SAW terhadap haiwan sebagai asas kepada pendekatan terapi emosi Islam. Manakala ketiga; mencadangkan kerangka awal terapi emosi berasaskan hadith yang sesuai diaplikasikan dalam konteks moden dan budaya masyarakat Muslim.

Secara keseluruhan, kajian ini berusaha memperkenalkan satu kerangka alternatif terapi emosi Islam berasaskan interaksi Nabawi dengan haiwan. Ia membina jambatan antara warisan kenabian dan keperluan kontemporari melalui pendekatan *fiqh al-hadīth*, serta membuka ruang pengembangan model rawatan Islamik yang holistik dan penuh belas ihsan.

2. Skop Dan Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana ia paling sesuai untuk memahami dimensi makna, emosi dan spiritualiti yang terkandung dalam hadith-hadith berkaitan interaksi Nabi SAW dengan haiwan (Idris, 2018). Pendekatan ini membolehkan penyelidik menyelami tindakan dan respons kenabian yang tidak hanya berperanan sebagai sumber hukum, tetapi juga mengandungi nilai-nilai psikospiritual yang berkaitan dengan ketenangan emosi dan kesejahteraan jiwa. Kaedah ini turut seiring dengan matlamat kajian untuk menilai makna tersirat dan mesej kemanusiaan dalam hadith melalui kerangka *fiqh al-hadith*.

Metode dokumentasi digunakan sebagai teknik utama pengumpulan data. Sumber primer kajian terdiri daripada hadith-hadith sahih yang terkandung dalam dua kitab utama sahaja, iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*, yang secara langsung merakamkan interaksi Nabi Muhammad SAW dengan haiwan. Hadith-hadith ini dipilih berdasarkan kriteria keautentikan dan keterangannya terhadap dimensi interaksi emosi dan nilai belas ihsan.

Bagi memahami konteks dan huraian ulama terhadap hadith-hadith tersebut, kajian ini turut merujuk kepada karya-karya syarahan hadith seperti *Fath al-Bārī* oleh Ibn Hajar al-‘Asqalānī dan *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim* oleh Imam al-Nawawī. Sumber sekunder pula melibatkan karya-karya klasik dan kontemporari dalam bidang *fiqh al-hadith*, psikologi Islam, terapi emosi, dan pengajian interaksi manusia-haiwan, termasuk artikel jurnal, tesis, buku akademik dan laporan penyelidikan yang diperoleh daripada perpustakaan fizikal dan digital seperti *Scopus*, *JSTOR*, dan *Google Scholar*.

Bagi tujuan analisis data, kajian ini menggunakan kaedah analisis tematik kandungan. Hadith-hadith yang dikumpulkan dianalisis berdasarkan tema-tema utama yang berkaitan dengan interaksi emosi, kasih sayang terhadap haiwan, empati, dan pengajaran spiritual melalui haiwan. Setiap tema dianalisis bagi mengenal pasti nilai-nilai terapeutik yang terkandung, termasuk elemen ketenangan jiwa, refleksi diri, dan penyembuhan emosi.

Selain itu, pendekatan *fiqh al-hadīth* turut diaplikasikan dengan mengambil kira konteks (*siyāq*), tujuan (*maqṣad*), dan kesan (*athar*) dalam setiap tindakan dan sabda Nabi SAW. Ini bagi menilai sejauh mana interaksi Baginda dengan haiwan boleh difahami sebagai model terapi emosi berasaskan wahyu.

3. Dapatan dan Perbincangan

3.1 Konsep Animal Assisted Therapy

Animal Assisted Therapy (AAT) merupakan satu bentuk rawatan ekoterapi yang didasarkan dan tersusun, di mana haiwan yang memenuhi kriteria tertentu digunakan sebagai elemen penting dalam proses terapi (Dzulraidi et al., 2025). Matlamat utama terapi ini adalah untuk meningkatkan fungsi kognitif, emosi, sosial dan fizikal pesakit. Program ini direka bentuk dan dilaksanakan oleh pakar kesihatan profesional yang telah menerima latihan khas dalam bidang ini. Pelaksanaannya boleh berlaku di pelbagai fasiliti seperti hospital, klinik, pusat pemulihan, rumah penjagaan warga emas, penjara, kediaman peribadi, serta ladang haiwan (Koukourikos et al., 2019).

Dalam rawatan ini, seperti juga dalam bentuk rawatan lain, kemajuan terapi dan pencapaian objektif awal bagi setiap pesakit direkod dan dinilai secara berterusan. Terapi ini boleh disesuaikan untuk pesakit individu atau kumpulan, bergantung kepada reka bentuk program dan kriteria objektif yang telah ditetapkan. *Animal-Assisted Therapy* tidak bergantung kepada mana-mana teori psikologi tertentu, sebaliknya ia boleh digabungkan ke dalam pelbagai pendekatan psikologi yang sedia ada (Delta Society, 2008; Friedmann & Son, 2009).

Selain terapi berstruktur, terdapat juga pendekatan yang lebih santai dikenali sebagai *Animal Assisted Activity* (AAA), iaitu interaksi tidak formal antara haiwan dan pesakit tanpa matlamat rawatan khusus. Lawatan haiwan ke tempat pesakit dilakukan secara sukarela dan tidak memerlukan pemantauan kemajuan. Kajian menunjukkan bahawa interaksi ini membantu membangkitkan minat peserta terhadap diri mereka sendiri, orang sekeliling dan persekitaran, serta membina hubungan positif melalui kehadiran haiwan (Kawamura et al., 2009; Kruger & Serpell, 2010; Crippa & Feijó, 2014).

Dalam kerangka lebih luas, konsep *Animal Assisted Intervention* (AAI) merangkumi latihan profesional kesihatan dalam mengaplikasikan AAT secara sistematik. Program intervensi ini telah digunakan dalam rawatan pelbagai peringkat umur termasuk kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas yang mengalami gangguan mental. Manfaat yang diperoleh meliputi interaksi langsung seperti menyentuh dan menjaga haiwan, mahupun sekadar memerhati tingkah laku haiwan bersama penjaganya (Yap, Scheinberg & Williams, 2017; AVMA, 2018).

Secara umumnya, faedah terapi haiwan merangkumi empat aspek utama:

- i. Sokongan emosi dan pengurangan tekanan: Interaksi dengan haiwan membantu menenangkan pesakit dalam situasi stres. Kehadiran haiwan menimbulkan rasa senang, melepaskan hormon seperti serotonin dan endorfin yang mencetuskan ketenangan, serta menurunkan hormon stres seperti kortisol dan adrenalin (Bachi & Parish-Plass, 2017; Fine, 2018).
- ii. Peningkatan imej diri dan kemahiran penjagaan sendiri – Pesakit mental yang sering merasa lemah dan bergantung kepada orang lain akan merasa lebih bertanggungjawab apabila menjaga haiwan. Ini membina keyakinan diri, dan dalam kalangan warga emas, ia turut membantu merangsang ingatan dan semangat untuk menjaga kebersihan diri (Bachi & Parish-Plass, 2017; Bachi, Terkel & Teichman, 2012).
- iii. Pembinaan kemahiran sosial: Kehadiran haiwan berperanan sebagai medium yang memulihkan kemahiran sosial pesakit, membantu mereka memahami kesan tingkah laku mereka terhadap makhluk lain serta mendorong pengawalan diri (Chitic, Rusu & Szamoskozi, 2012; Bachi & Parish-Plass, 2017).
- iv. Galakan kepada aktiviti fizikal dan latihan tubuh – Aktiviti seperti berjalan, bermain dan bersenam bersama haiwan mendorong pengeluaran endorfin, sekali

gus memperbaiki mood dan membantu latihan mobiliti kasar dan halus pesakit (Velde, Cipriani & Fisher, 2005).

Kajian-kajian terkini mengesahkan bahawa penglibatan haiwan dalam rawatan moden gangguan mental memberi kesan yang positif terhadap pelbagai kumpulan pesakit, termasuk kanak-kanak, orang dewasa, dan warga emas. Hasil kajian ke atas pesakit yang menghidap gangguan mental menunjukkan bahawa penyertaan dalam program terapi haiwan, apabila digabungkan dengan intervensi terapeutik tradisional, berjaya mengurangkan simptom kebimbangan dan kemurungan, mengawal tingkah laku negatif yang berkaitan dengan penyakit, serta memperbaiki interaksi sosial pesakit (International Journal of Caring Sciences, 2019).

Para pakar berpandangan bahawa setiap pesakit mempunyai laluan pemulihan yang tersendiri, dan rawatan konvensional tetap memainkan peranan utama dalam proses tersebut. Namun begitu, bagi golongan yang tidak menunjukkan respons yang baik terhadap kaedah rawatan asas, atau yang cenderung untuk terlibat secara aktif dalam bentuk rawatan alternatif, pencarian pendekatan baharu menjadi suatu keperluan penting. Literatur menunjukkan bahawa terapi haiwan merupakan satu bentuk rawatan alternatif yang realistik, dinamik dan terbukti berkesan untuk pelbagai bentuk gangguan mental merentas semua peringkat umur (Mangalavite, 2014).

Kesedaran terhadap manfaat terapi haiwan dalam dunia moden membuka ruang untuk menilai semula warisan kenabian, khususnya interaksi Nabi Muhammad SAW dengan haiwan, sebagai satu bentuk model terapi emosi yang bersumberkan wahyu dan penuh dengan nilai spiritual dan kemanusiaan. Justeru kajian seterusnya membahaskan dapatan hadith interaksi Nabawi dengan haiwan.

3.2 Interaksi Nabawi Dengan Haiwan Dalam Konteks Terapi

Kajian mengumpulkan hadith-hadith terpilih daripada *Sahīh al-Bukhārī* dan *Sahīh Muslim* yang berkaitan dengan interaksi Nabawi dengan haiwan dalam konteks terapi. Rujukan bagi kedua-dua kitab ini berdasarkan beberapa edisi cetakan utama. Bagi *Sahīh al-Bukhārī*, rujukan utama adalah cetakan *Dār Ibn Kathīr*, yang ditahkik oleh Dibb al-Bughā, serta cetakan *Maktabah al-Sultāniyyah*. Sementara itu, bagi *Sahīh Muslim*, rujukan dibuat kepada cetakan *Matba‘ah al-Halabī* dengan tahkik oleh Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī, serta cetakan *Dār al-Tabā‘ah al-‘Āmirah*.

Pemilihan cetakan-cetakan ini dibuat berdasarkan ketersediaannya dalam aplikasi *al-Maktabah al-Syāmilah*, yang memudahkan akses dan rujukan silang bagi memastikan ketepatan maklumat. Bagi tujuan perbincangan yang lebih sistematik, setiap hadith akan dinomborkan mengikut kod tertentu bagi meringkaskan perbincangan dan rujukan dalam kajian ini. Selain itu, hanya pangkal matan (*atrāf al-hadith*) akan dimasukkan bagi memudahkan analisis serta memastikan penulisan kekal ringkas tanpa menjejaskan maksud asal hadith. Begitu juga hadith yang berulang dalam kedua-dua kitab dihitung sebagai satu hadith sahaja. Hasil carian adalah seperti berikut:

Kod	Teks Hadith	Terjemahan
H1	مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا، فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ، أَوْ إِنْسَانٌ، أَوْ بَيْهَمَةٌ، إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ	Tidak ada seorang Muslim pun yang bercucuk tanam atau menanam sesuatu tanaman, kemudian tanaman itu dimakan oleh burung, manusia, atau haiwan, melainkan perkara itu menjadi sedekah baginya.

H2	وَأِنَّهُ كَلَّمَا يُنْبِتُ الرَّبِيعُ مَا يَقْتُلُ حَبَطًا أَوْ يُلِيمُ كَلَّمَا أَكَلَتْ حَتَّى إِذَا امْتَلَأَتْ خَاصِرَتَاهَا اسْتَقْبَلَتْ الشَّمْسُ فَتَلَطَّتْ وَبَالَتْ ثُمَّ رَعَتْ وَأَنَّ هَذَا الْمَالَ خَضِرَةٌ حُلْوَةٌ	Sesungguhnya apa yang tumbuh pada musim bunga boleh membinasakan atau mendekatkan kepada kematian, kecuali seperti haiwan ternakan yang memakan dedaunan hijau apabila ia telah kenyang, ia akan memandang matahari, kemudian membuang najis dan kencing, lalu kembali merumput (makan) semula. Dan sesungguhnya harta itu seumpama dedaunan hijau yang manis.
H3	بَيْنَمَا كَلْبٌ يُطِيفُ بِرِكْيَةٍ كَادَ يَقْتُلُهُ الْعَطَشُ إِذْ رَأَتْهُ بَغِيٌّ مِنْ بَغَايَا نَبِيِّ إِسْرَائِيلَ فَتَزَعَّتْ مُوقِفَهَا فَسَقَتْهُ فَعَقَّرَ لَهَا بِهِ	Terdapat seekor anjing yang sedang berpusing-pusing di sekitar sebuah perigi dan hampir mati kerana kehausan. Lalu, seorang wanita pezina daripada kalangan Bani Isra'il melihatnya. Wanita itu pun menanggalkan seliparnya (dan mengambil air dengan selipar tersebut), lalu memberi minum kepada anjing itu. Maka, dia diampuni oleh Allah disebabkan perbuatannya itu.
H4	وَالسَّكِينَةُ فِي أَهْلِ الْعَنَمِ وَالْإِيمَانِ بِمَانَ وَالْحِكْمَةُ بِمَانِيَّةٍ	Ketenangan berada dalam kalangan pemilik kambing, iman itu berasal dari Yaman, dan hikmah itu juga berasal dari Yaman
H5	قَرَأَ رَجُلٌ الْكَهْفَ فِي الدَّارِ الدَّائِيَّةِ فَجَعَلَتْ تَنْفِرُ فَسَلَّمَ فَإِذَا صَبَابَةٌ أَوْ سَحَابَةٌ غَشِيَتْهُ	Ada seorang lelaki yang membaca Surah al-Kahfi berhampiran kandang ternakan, lalu ternakan itu lari. Setelah dia menyelesaikan bacaannya dan menoleh ke belakang, ternyata dia melihat sekumpulan awan menaunginya.
H6	بَيْنَمَا رَجُلٌ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ، وَفَرَسٌ لَهُ مَرْبُوطٌ فِي الدَّارِ، فَجَعَلَ يَنْفِرُ	Ketika seorang lelaki daripada kalangan sahabat Rasulullah SAW sedang membaca (al-Qur'an), kudanya yang diikat di rumahnya berada dalam keadaan gelisah. Dia sendiri merasa tidak tenang, lalu keluar untuk melihat apa yang berlaku, namun dia tidak melihat apa-apa. Keadaan itu terus membuatkan dirinya berasa tidak tenang.
H7	فَنَزَلَ الْبِئْرَ فَمَلَأَ خُفَّهُ، ثُمَّ أَمْسَكَهُ بِفِيهِ فَسَقَى الْكَلْبَ، فَشَكَرَ اللَّهُ لَهُ فَعَقَّرَ لَهُ	Lalu dia turun semula ke dalam perigi, kemudian dia menceduk air menggunakan sepatunya, membawanya naik ke atas dan memberi minum kepada anjing itu. Maka Allah mensyukuri perbuatannya (menerima amalanya) dan mengampuni dosanya.

Kajian ini turut menghuraikan hadith-hadith berkaitan hubungan manusia dengan haiwan berdasarkan perspektif *fiqh al-hadith*, khususnya dari aspek terapi emosi melalui interaksi dengan haiwan. Penggunaan haiwan dalam bidang kesihatan mental bukan lagi suatu perkara yang asing dalam perubatan moden. Di negara-negara seperti Amerika Syarikat dan Australia, hampir 63% isi rumah memiliki haiwan peliharaan, dan lebih 500 juta haiwan dipelihara di bandar-bandar besar sebagai teman hidup yang memberikan manfaat psikologi yang besar (Beck & Katcher, 1996; Tower & Nokota, 2006). Kajian di University of Missouri, sebagai contoh, mendapati bahawa interaksi bersama haiwan meningkatkan hormon oxytocin yang membantu penyembuhan serta melepaskan endorphin yang mengurangkan tekanan (Beck & Marshall Meyers, 1996; Robinson, 1995).

Pemilikan haiwan peliharaan juga dikaitkan dengan pemulihan lebih cepat dalam kalangan pesakit jantung dan penghidap penyakit kronik seperti AIDS dan kanser (Chan & Tapia Rico, 2019; Friedmann et al., 1980, 1983; Palomino-Lázaro et al., 2024). Ini membuktikan bahawa kewujudan “teman” walaupun seekor haiwan, mampu mencetuskan

rasa selesa, selamat dan terkawal yang berkesan dalam menurunkan kadar tekanan dan keresahan.

Secara tidak langsung, hal ini selari dengan pendekatan Islam yang menganjurkan ihsan terhadap haiwan. Walaupun hadith-hadith yang dikaji tidak menyebut penggunaan haiwan secara langsung dalam rawatan mental, tetapi banyak hadith yang menyentuh kesan spiritual dan emosi terhadap individu yang berlaku baik terhadap haiwan. Contohnya ialah kisah seorang wanita pezina yang diampuni dosanya kerana memberi minum kepada seekor anjing yang kehausan, serta lelaki yang turun ke perigi untuk menyelamatkan anjing dengan menceduk air menggunakan sepatunya. Hal ini dibahasakan lebih lanjut setelah ini. Namun kesimpulannya hadith-hadith ini menunjukkan bahawa interaksi ihsan terhadap haiwan bukan sahaja memberi kesan rohani kepada manusia, tetapi juga membuahkan ketenangan batin dan pengampunan Ilahi. Islam juga menggalakkan umatnya bersikap ihsan kepada haiwan. Sebaliknya, azab yang pedih menanti orang yang berbuat zalim kepada haiwan.

Tambahan pula, kisah Qabil dan Habil dalam Surah al-Mā'idah turut memberi gambaran bahawa manusia diperintahkan untuk mengambil pelajaran daripada haiwan, apabila Allah SWT mengutus seekor burung gagak untuk mengajarkan cara mengurus jenazah. Ini menunjukkan bahawa haiwan bukan sahaja makhluk yang menerima ihsan manusia, tetapi juga makhluk yang menjadi pendidik secara tidak langsung, yang boleh menyumbang kepada pendidikan jiwa dan emosi (M. N. Mohamed, 2014; W. Z. Mohamed et al., 2012).

Seiring dengan pandangan Khalisah Kassim (2021), terapi haiwan dapat mengurangkan keletihan, kebimbangan dan kemurungan secara signifikan. Ia juga membantu dalam merangsang kemahiran komunikasi sosial serta meningkatkan kesejahteraan emosi secara menyeluruh (Shamsuddin, 2025). Dalam konteks *fiqh al-hadīth*, amalan ihsan kepada haiwan perlu dilihat bukan hanya sebagai nilai moral semata-mata, tetapi juga sebagai kaedah terapi rohani dan emosi yang berpotensi besar dalam perubatan Islam moden (Muhammad A'tif Fitri Muhammad Salim et al., 2025). Maka, kajian terhadap hadith-hadith ini membuka ruang penting untuk membina kerangka terapi haiwan berasaskan hadith, yang memberi manfaat secara spiritual, emosi dan kesihatan mental secara holistik.

Menyentuh hadith yang dikumpulkan, dapat dilihat terdapat hadith mengisytiharkan konsep sedekah rohani bagi individu yang berinteraksi dengan haiwan. Hal ini dapat dilihat pada H1 dan H2. Nabi SAW menggambarkan bahawa sikap ihsan terhadap haiwan memberi implikasi positif terhadap jiwa dan rohani. Hal ini dapat dilihat pada H3 dan H7. Hadith mengenai wanita pezina dari Bani Isra'il yang diampuni dosanya kerana memberi minum kepada seekor anjing memberikan asas penting dalam memahami konsep ihsan terhadap haiwan sebagai amalan yang memberi kesan rohani dan psikologi mendalam. Para ulama berbeza pandangan dalam menafsirkan makna pengampunan tersebut. Sebahagian berpandangan bahawa perbuatan memberi minum itu menjadi sebab Allah SWT memberi taufik kepadanya untuk bertaubat, dan taubat itulah yang membawa kepada keampunan. Sebahagian lain pula berpandangan bahawa amalan tersebut, kerana mengandungi unsur menyelamatkan nyawa, telah dilipatgandakan ganjarannya oleh Allah SWT sehingga setara atau melebihi dosa yang pernah dilakukan, sebagai bentuk keutamaan dan rahmat Ilahi (Ibn al-Arabi, 1992).

Imam al-Zuhri pula menghimpunkan hadith ini bersama kisah seorang lelaki yang diampuni kerana takutnya kepada Allah, dan menjelaskan bahawa kedua-dua hadith ini menjadi panduan agar manusia tidak berputus asa daripada rahmat Allah, namun dalam masa sama tidak merasa terlalu aman daripadanya (Muhammad, 2022). Daripada perspektif *fiqh al-hadīth*, teks ini menunjukkan bahawa ihsan terhadap haiwan bukan sekadar

tanggungjawab etika, bahkan boleh menjadi jalan ke arah penyucian jiwa, pengampunan dosa dan keseimbangan emosi. Dalam konteks ekoterapi Islam, ia memperkukuh gagasan bahawa interaksi positif bersama haiwan berupaya memberikan ketenangan batin, menumbuhkan empati, serta menjadi bentuk terapi rohani yang berakar kuat dalam sunnah Nabi SAW. Bagi H7, hadith yang lebih kurang sama dengan sebelum ini namun menurut al-‘Ainī (2010) ini dapat dipastikan bahawa ia adalah dua peristiwa berbeza, salah satunya berlaku kepada seorang lelaki, dan yang satu lagi kepada seorang wanita.

Selain daripada menunjukkan nilai ihsan terhadap haiwan, hadith-hadith yang dikumpulkan juga memperlihatkan bagaimana gaya hidup bersama haiwan berpotensi menjadi sumber ketenangan jiwa dan kestabilan emosi. Hal ini digambarkan dengan jelas dalam hadith H4, di mana Nabi SAW bersabda: *“Ketenangan itu berada dalam kalangan pemilik kambing.”* Hadith ini memberikan isyarat bahawa interaksi rapat dan berterusan dengan haiwan, khususnya kambing, mampu membentuk perwatakan yang lebih tenang, lembut dan berimbang.

Menurut al-Akhfash, kenyataan ini menunjukkan bahawa pemilik kambing lazimnya terlibat dengan pekerjaan yang ringan dan tidak membebankan, maka jiwanya lebih cenderung kepada ketenangan dan tidak tergesa-gesa (Ibn al-‘Arabi, 2007). Al-Zaidānī (2012) turut menegaskan bahawa akhlak seorang penggembala dipengaruhi oleh sifat haiwan yang dijaganya. Kambing, yang terkenal dengan sifat jinak dan mudah diurus, menjadikan penggembalanya lebih cenderung memiliki hati yang lembut dan perilaku yang tenteram. Tambahan pula, oleh kerana kambing memerlukan penjagaan rapi seperti air dan makanan serta tidak tahan dengan cuaca ekstrem atau kekasaran, maka para penggembala kambing sering tinggal berhampiran kawasan penempatan dan terbiasa hidup bersama masyarakat. Keadaan ini mendorong mereka untuk hidup dalam suasana damai dan tunduk pada peraturan sosial dan agama.

Secara tidak langsung, hadith ini memperkukuh konsep ekoterapi nabawi yang berasaskan hubungan harmoni manusia dengan haiwan. Ia membuktikan bahawa interaksi yang mesra dan berterusan dengan haiwan bukan sahaja membentuk etika ihsan, tetapi juga memberi kesan terapeutik kepada keseimbangan emosi dan spiritual seseorang Muslim. Justeru, gaya hidup berteraskan alam termasuk penjagaan haiwan dalam konteks sunnah dapat dilihat sebagai sebahagian daripada pendekatan rawatan jiwa yang semula jadi dan selari dengan fitrah insan.

Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa pendekatan terapi haiwan yang diamalkan dalam perubatan moden selari secara prinsipnya dengan nilai-nilai kenabian yang dirakam dalam hadith. Walaupun hadith-hadith yang dikaji tidak menyatakan secara langsung penggunaan haiwan dalam rawatan kesihatan mental, analisis *fiqh al-hadīth* membuktikan bahawa interaksi Nabi SAW dengan haiwan mengandungi mesej psikospiritual yang kuat termasuk nilai ihsan, empati, dan ketenangan emosi. Hadith-hadith seperti kisah wanita yang memberi minum kepada anjing, serta pernyataan bahawa *“ketenangan itu berada dalam kalangan pemilik kambing”* menjadi asas penting dalam memahami potensi terapeutik yang tersembunyi dalam interaksi manusia-haiwan menurut Islam.

Interaksi yang penuh belas ihsan terhadap haiwan bukan sahaja menjanjikan ganjaran rohani seperti pengampunan Ilahi, malah membentuk keseimbangan emosi dan ketenteraman batin. Melalui pendekatan gaya hidup berasaskan alam yang tercermin dalam sunnah, gaya hidup bersama haiwan dapat dilihat sebagai satu bentuk ekoterapi Islam yang asli, semula jadi dan berakar dari wahyu. Justeru, kajian ini membuka ruang kepada pembangunan satu model terapi emosi berasaskan hadith yang menggabungkan aspek spiritual, psikologi dan kesejahteraan manusia secara menyeluruh.

4. Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa interaksi Nabi Muhammad SAW dengan haiwan mengandungi nilai terapeutik yang jelas terhadap kesejahteraan emosi dan spiritual manusia. Melalui analisis *fiqh al-hadīth*, dapat dirumuskan bahawa sikap ihsan dan empati Nabi SAW bukan sekadar mencerminkan akhlak mulia, tetapi juga membentuk ketenangan jiwa, mengurangkan keresahan dan menyuburkan hubungan spiritual dengan Allah SWT. Hadith seperti tindakan menyelamatkan haiwan kehausan atau pernyataan bahawa ketenangan berada bersama pemilik kambing membuktikan bahawa hubungan harmoni dengan haiwan berpotensi mencetuskan keseimbangan emosi dan ketenteraman batin.

Kajian ini juga memperlihatkan keselarasan antara nilai sunnah dan dapatan psikologi moden berkaitan terapi haiwan. Walaupun hadith tidak menyusun kerangka rawatan mental secara formal seperti *Animal Assisted Therapy*, prinsip interaksi lembut dan belas ihsan yang ditonjolkan Nabi SAW selari dengan mekanisme terapi emosi yang diterima dalam sains moden. Oleh itu, kajian ini membuka ruang penting bagi pembangunan model terapi emosi berasaskan hadith yang lebih holistik dan sesuai untuk diaplikasikan dalam masyarakat muslim masa kini.

Rujukan

- Al-Husain, al-Zaidani (2012), *Al-Mafatih fi Syarh al-Masabih*, Kuwait: Dar al-Nawadir.
- Beck, A. M., & Katcher, A. Honori. (1996). *Between Pets and People: The Importance of Animal Companionship*. 316. <https://www.press.purdue.edu/9781557530776/>
- Beck, A. M., & Marshall Meyers, N. (1996). Health enhancement and companion animal ownership. *Annual Review of Public Health*, 17, 247–257. <https://doi.org/10.1146/ANNUREV.PU.17.050196.001335>
- Chan, M. M., & Tapia Rico, G. (2019). The “pet effect” in cancer patients: Risks and benefits of human-pet interaction. *Critical Reviews in Oncology/Hematology*, 143, 56–61. <https://doi.org/10.1016/J.CRITREVONC.2019.08.004>
- Dzulraidi, D. H., Razak, M. S. A., Noor, U. M., & Malek, M. D. A. (2025). Ecotherapy in the Tibb Nabawi Perspective: an Initial Approach to Holistic Mental Health. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, IX(XVII), 8–15. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2025.917PSY0002>
- Farhan, M. F. M., Khadher, A., Ikhlas Rosel, M., & Azizu Marinsah, S. (2015). Anjing pembawa virus rabies: Signifikan dan metode interaksi berasaskan Fiqh al-Hadith. *Jurnal Intelek*, 10(1), 55–66.
- Friedmann, E., & Son, H. (2009). The Human-Companion Animal Bond: How Humans Benefit. *Veterinary Clinics of North America - Small Animal Practice*, 39(2), 293–326. <https://doi.org/10.1016/J.CVSM.2008.10.015>
- Friedmann, E., Honori Katcher, A., Lynch, J. J., Thomas, S. A., Schertis, L., Cimbél, K., & Katcher, A. H. (1980). Animal companions and one-year survival of patients after discharge from a coronary care unit. *Public Health Reports*, 95(4), 307. <https://pmc.ncbi.nlm.nih.gov/articles/PMC1422527/>
- Friedmann, E., Katcher, A. H., Thomas, S. A., Lynch, J. J., & Messent, P. R. (1983). Social interaction and blood pressure. Influence of animal companions. *The Journal of Nervous and Mental Disease*, 171(8), 461–465. <https://doi.org/10.1097/00005053-198308000-00002>
- Ibn al-’Arabi, A. B. (2007). *Al-Masalik fi Syarh Muwatta’ Malik*. Riyadh: Dar al-Gharb al-Islami.
- Ibn al-Arabi, A. B. (1992). *Al-Qabs fi Syarh al-Muwatta’*. Riyadh: Dar al-Gharb al-Islami.
- Idris, M. A., M. H., & I. (2018). *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: UM Press.
- Koukourikos, K., Georgopoulou, A., Kourkouta, L., & Tsaloglidou, A. (2019). Benefits of Animal Assisted Therapy in Mental Health. *International Journal of Caring Sciences*, 12. www.internationaljournalofcaringsciences.org
- Lin, X. (2024). How Animal-Assisted Therapy Cures Adolescents under Psychological Pressure. *SHS Web of Conferences* 200. <https://doi.org/10.1051/shsconf/202420002007>
- Md Ariffin, M. F., Abd. Azid, M. A., & Mohd Yusoff, A. Z. S. (2018). Ancaman Ular: Signifikan dan Teknik Kawalan Menurut Perspektif Fiqh al-Hadith. *Jurnal Usuluddin*, 46(1), 45–70. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol46no1.3>
- Md Ariffin, M. F., Ahmad, K., Rosele, M. I., & Mohd Yusoff, A. Z. S. (2019). Ancaman Kala Jengking: Analisis Berasaskan Sharh Al-Hadith: Scorpion Threat: an Analysis Based on Understanding of Al-

- Hadith. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(2), 99–119. Retrieved from <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/15>.
- Mohamed, M. N. (2014). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed, W. Z., Hamim, R. M., & Rahman, A. A. (2012). *Hubungan manusia dengan haiwan dalam warisan perubatan dan kepentingan haiwan dalam aspek pemakanan dan kesihatan manusia*.
- Muhammad A'tif Fitri Muhammad Salim, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh, & Paiz Hassan. (2025). Shariah parameters for keeping pets in the home: Parameter syariah bagi pemeliharaan haiwan kesayangan di dalam rumah. *Al-Qanātir: International Journal of Islamic Studies*, 34(5).
- Muhammad, S. (2022). *Syarh Bulugh al-Maram bi Tariqah Sual wa Jawab*.
- Palomino-Lázaro, L., Rueda-Extremuera, M., & Cantero-García, M. (2024). Animal-Assisted Therapy in Palliative Care: A Scoping Review. *Frontiers in Psychology*, 15, 1478264. <https://doi.org/10.3389/FPSYG.2024.1478264>
- Robinson, I. . (1995). *The Waltham book of human-animal interaction : benefits of pet ownership*. Pergamon. doi:10.1016/C2013-0-10207-3
- Shamsuddin, S. (2025). Rawatan Tanpa Ubat: Potensi Terapi Haiwan dan Robotik Dalam Pengurusan Demensia di Malaysia. *Amdi Newsletter*. <https://news.amdi.usm.my/fullarticle.php?id=WXBPM1FBdHNaTy9lNk5iRm5tdmJCQT09>
- Tower, R. B., & Nokota, M. (2006). Pet Companionship and Depression: Results From A United States Internet Sample. *Anthrozoös*, 19(1), 50–64. <https://doi.org/10.2752/089279306785593874>
- Wilson, V. A. D. (2018). Costs, Benefits and Mechanisms f Animal-Assisted Therapy: Adopting A Change In Perspective. *Scottish Journal of Residential Child Care*, 17(4).